

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit kronik di Parlimen Bachok. Nyatakan jumlah kes kematian akibat kelewatan mendapat rawatan di hospital yang dialami oleh penduduk Bachok. Apakah tahap peratus kemajuan dan jumlah kos terkini pembinaan Hospital Bachok.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit kronik adalah penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes mellitus, hypertension, sistem pernafasan kronik, kanser dan strok. Penyakit kronik ini menyerang kepada semua golongan umur, kelas dan warganegara.

Jumlah pesakit kronik dari daerah Bachok sehingga September 2015 adalah seramai 7,892 orang iaitu pesakit hypertension seramai 3,351 pesakit diabetes mellitus seramai 4,021 orang dan pesakit sistem pernafasan kronik seramai 520 orang.

Maklumat berkaitan jumlah kes kematian akibat kelewatan mendapat rawatan dihospital yang dialami oleh penduduk daerah Bachok tidak dapat diperolehi. Walaubagaimana pun, merujuk kepada buku daftar kematian di Unit forensik, Hospital Raja Perempuan Zainab II, terdapat sebanyak 125 kematian pesakit yang dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II dari Daerah Bachok dalam tempoh di antara Januari hingga September 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi projek pembinaan Hospital Bachok, pembinaan hospital berkenaan dengan kemudahan 76 katil berjalan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana.

Pada masa ini, pembinaan Hospital Bachok sedang dalam peringkat rekabentuk terperinci di mana proses ini dijangka akan disiapkan dalam bulan November, 2015. Pihak JKR dijangka tender projek ini pada bulan Disember 2015. Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan pada April 2016 manakala Tarikh Milik Tapak dijangka pada Mei 2016. Pelaksanaan projek ini akan mengambil masa selama tiga puluh enam bulan (36) bulan di mana projek ini dijangka akan disiapkan pada Mei 2019. Kos terkini pembinaan Hospital Bachok adalah berjumlah RM141 juta termasuk *Goods and Services Tax (GST)*.